

[FOTO BERNAMA]



Ali menyampaikan watikah pelantikan kepada Suriani sebagai Ketua Setiausaha KPWKM di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Suriani dilantik sebagai Ketua Setiausaha KPWKM

Kuala Lumpur: Datuk Suriani Ahmad dilantik sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), berkuat kuasa esok.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berkata pelantikan Suriani itu bagi menggantikan Datuk Dr Rose Lena Lazemi.

Suriani yang ketika ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Kawalan dan Penguatkuasaan), Kementerian Dalam Negeri (KDN), berkeputusan Sarjana Muda Komuni-

kasi (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Sarjana Strategi dan Diplomasi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Suriani berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 23 tahun sebagai pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Berpengalaman luas

“Pelantikan beliau adalah berdasarkan kelayakan dan pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, perdagangan antarabangsa, keselamatan pada peringkat se-

rantau dan antarabangsa,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sepanjang perkhidmatan, Suriani pernah menjawat jawatan penting di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Pertahanan.

Ali turut berkata kerajaan turut merakamkan penghargaan kepada Datuk Dr Rose Lena di atas sumbangan dan khidmat bakti sepanjang berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.